

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | SPNB rancang bina rumah Fasa 2B di Taman Universiti Jaya, Kedah | | |
| MediaTitle | Mingguan Malaysia | | |
| Date | 26 Mar 2017 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 171,663 |
| Page No | 12 | Readership | 563,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 571 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 12,865 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 38,595 |



SPNB rancang bina rumah Fasa 2B di Taman Universiti Jaya, Kedah

KUALA LUMPUR 25 Mac - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) merancang membina rumah mampu milik Fasa 2B (TUJ, F2B) di Taman Universiti Jaya, Semeling, Kedah pada suku tahun ketiga tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, TUJ dan F2B mempunyai komposisi berbeza berbanding Fasa 2A.

Katanya, 2B terdiri dari 146 unit rumah Teres setingkat (20'X65') dengan keluasan 1,160 kaki persegi yang akan dijual pada harga dari RM136,500 hingga RM264,198 eunit.

"Kita menjangkakan Fasa 2B juga akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari pembeli kerana harganya berada dalam lingkungan yang sangat mampu dimiliki," katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Fasa 2B yang akan dibina ini merupakan rentetan kejayaan SPNB dalam projek Taman Universiti Jaya Fasa 2A di Kedah sekali gus meletakkan nama syarikat sebagai pemaju hartanah yang berdaya saing di negara ini.

Tambah Ahmad Azizi, TUJ dan Fasa 2A merupakan projek pertama yang dibangunkan oleh SPNB Idaman Sdn. Bhd (SISB), anak syarikat milik penuh SPNB yang ditubuhkan pada tahun 2014 sebagai menyambut pengumuman Program Rumah Idaman Rakyat (RIR) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan Bajet tahun 2014.

"Kerajaan menyalurkan sebanyak RM83 juta kepada SPNB sebagai dana mudah untuk membina 3,000 unit RIR di seluruh Malaysia melalui kerjasama dengan kerajaan negeri.

"Dengan kejayaan sulung SPNB Idaman ini, jumlah keseluruhan perumahan SPNB yang telah disiapkan ialah 92,432 unit bermula dari tahun 1997 manakala 15,010 unit pula dalam proses pembinaan di seluruh negara.

"SPNB akan terus menyediakan perumahan yang berdaya saing mengikut keperluan rakyat



Malaysia," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, SPNB akan merealisasikan amanat kerajaan untuk membina 100 ribu unit rumah mampu milik dari jumlah sejuta yang dijanjikan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Sehingga kini SPNB telah membangunkan 44,197 unit dari ketiga-tiga program Perumahan SPNB iaitu Rumah Aspirasi Rakyat (RAR), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M). Sebanyak 55,777 unit lagi masih dalam perancangan yang memerlukan pembiayaan projek," jelasnya.

Beliau menambah, tanggungjawab SPNB bukan sekadar menyediakan rumah mampu milik kerana memahami aspirasi kerajaan sebaliknya perlu memastikan proses pemilikan oleh rakyat yang memerlukan berjalan lancar.

Ketika ditanya mengenai kepelbagaian produk yang ditawarkan SPNB, Ahmad Azizi berkata, SPNB dan anak syarikatnya menyediakan perumahan yang komprehensif memenuhi keperluan semua golongan de-

Jenis pembangunan

Rumah Teres

1 Tingkat (20'x65')

Luas lantai (kps)

1,160

Unit

146

Harga jualan (RM)

168,000+264,198

ngan fokus utama pada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Untuk golongan berpendapatan rendah dengan gaji antara RM750 hingga RM3,000 tetapi mempunyai tanah sendiri, SPNB mempunyai skim perumahan RMR1M.

"Di bawah program ini, terdapat subsidi yang disediakan oleh kerajaan sebanyak RM31,840 bagi setiap RMR1M yang dibina sementara SPNB membantu golongan yang tidak mampu

nyai pendapatan tetap dan tidak mempunyai penyata gaji dengan memberi pinjaman pembiayaan akhir untuk pemohon RMR1M kerana kumpulan ini menghadapi masalah untuk mendapat pinjaman dari mana-mana bank.

"Ini adalah salah satu inisiatif kerajaan bersama SPNB untuk memastikan golongan berpendapatan kurang dari RM3,000 dapat memiliki rumah sendiri," katanya.

Tambahnya lagi, RIR dan RAR pula disediakan untuk memenuhi keperluan golongan berpendapatan sederhana di seluruh Malaysia dengan harga jualan rumah 60 peratus tidak melebihi RM250,000 seunit dan tidak melebihi RM350,000 seunit iaitu 40 peratus dari komposisi pembangunan dan harga jualan kedai tidak melebihi RM1,000,000 per lot kedai.

Selain daripada menawarkan harga rumah di bawah pasaran, Ahmad Azizi memberitahu SPNB juga mempunyai projek di lokasi berbeza di seluruh Malaysia yang terletak di kawasan yang belum diterokai oleh pemaju besar.

"Ini memberi daya saing kepada SPNB berbanding pemaju yang hanya berminat membina rumah mampu milik di kawasan bandar. Ini untuk memastikan keseimbangan geopolitik dan semua negeri mendapat faedah yang sama.